



## SIARAN MEDIA

---

### EXPO 2020 DUBAI MERAIKAN HARI MALAYSIA

---

**DUBAI, 8 Januari 2022 – Pavilion Malaysia** di Expo 2020 Dubai hari ini meraikan Hari Malaysia dengan menonjolkan pencapaian dan kemajuan negara merentasi sektor utama termasuk ekonomi, sosial, budaya, sains dan teknologi, sempena hari penghormatan yang diberikan oleh penganjur Expo 2020 Dubai kepada negara peserta.

Ia juga merupakan pencapaian 100 hari penyertaan Malaysia di Expo 2020 Dubai, yang berlangsung dari 1 Oktober 2021 hingga 31 Mac 2022.

YB Datuk Haji Ahmad Amzad Hashim, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi yang mengetuai delegasi peringkat tertinggi Malaysia telah disambut oleh Tuan Yang Terutama Ahmed bin Ali Al Sayegh, Menteri Negeri, Emiriah Arab Bersatu.

Tema Pavilion Malaysia iaitu “Memperkasa Kemampanan (*Energising Sustainability*), Hari Malaysia menggambarkan komitmen negara terhadap kerjasama antarabangsa, minat mendalam terhadap isu-isu global serta penyertaan dalam dialog topik penting termasuk perubahan iklim dan kemampanan.

Menerusi pavilion karbon sifar bersih, Malaysia berhasrat untuk berkongsi kejayaan dalam mengaplikasikan rangka kerja yang berdaya tahan, rendah karbon, cekap sumber dan inklusif daripada segi sosial bagi menangani perubahan iklim dan kemampanan berpaksikan prinsip kelestarian dan kesihatan planet.

Expo 2020 Dubai yang bertemakan “Menghubung Minda, Mencipta Masa Depan” (*Connecting Minds, Creating the Future*) telah membuka banyak peluang pasaran yang baharu dan menarik bagi Malaysia dalam meningkatkan perdagangan, pelaburan dan pertukaran budaya. Penyertaan Malaysia di ekspo ini adalah platform penting bagi negara dan kami bangga menjadi sebahagian daripada acara bersejarah ini, dan bersama-sama seluruh dunia membina masa depan secara inklusif dan mampan,” kata YB Datuk Haji Ahmad Amzad Hashim yang menyampaikan teks ucapan bagi pihak Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato’ Sri Dr. Adham bin Baba di upacara tersebut.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada Emiriah Arab Bersatu kerana berjaya menganjurkan ekspo dunia pertama di rantau Timur Tengah, Afrika dan Asia Selatan walaupun berdepan cabaran COVID-19. Beliau menambah, "Malaysia memuji kepimpinan dan komitmen Emiriah Arab Bersatu dalam menyatukan 'keluarga dunia' kita di platform global bagi multilateralisme inklusif, dalam tujuan bersama untuk memberi inspirasi kepada penyelesaian sebenar bagi cabaran terbesar manusia."

### **Meningkatkan peluang ekonomi dan memperkukuh hubungan dua hala**

Expo 2020 Dubai juga telah memberikan Malaysia peluang untuk mengukuh kedudukannya sebagai hab ekonomi di rantau Asia Tenggara.

Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob sebelum ini telah mengumumkan bahawa Malaysia telah memperolehi lebih daripada RM33.9 bilion dalam potensi pulangan perdagangan dan pelaburan dalam lapan minggu pertama penyertaan di Expo 2020 Dubai.

Lanjutan daripada itu, Malaysia telah sehingga minggu ke-12 menjana RM35.2 bilion potensi pulangan perdagangan dan pelaburan. Pencapaian tersebut adalah melalui 71 Memorandum Persefahaman, Memorandum Kerjasama dan Surat Niat serta 793 petunjuk perniagaan dengan beberapa syarikat antarabangsa.

Program perniagaan mingguan anjuran Malaysia sepanjang Expo 2020 Dubai diterajui oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta disokong oleh 20 kementerian lain, 70 jabatan dan agensi, lima kerajaan negeri dan 300 syarikat. Pavilion Malaysia juga telah menerima lebih 500,000 kunjungan sehingga kini. Penyertaan Malaysia di ekspo tersebut

juga mengukuhkan hubungan dua hala negara dengan Emiriah Arab Bersatu sebagai rakan perdagangan dan destinasi eksport terbesar Malaysia di kalangan Majlis Kerjasama Teluk (GCC).

## **Sambutan Hari Malaysia**

Sambutan Hari Malaysia bermula pada sebelah pagi di Pentas Negara-Negara di mana Jalur Gemilang dinaikkan dengan iringan lagu Negaraku sebelum kedua-dua pemimpin menyampaikan ucapan. Malaysia kemudiannya mempersembahkan cerminan kebudayaan *Malaysia Truly Asia* oleh kumpulan tarian dari Istana Budaya serta Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

Delegasi kemudiannya meneruskan lawatan ke Pavilion Malaysia dan Pavilion Emiriah Arab Bersatu sebagai sebahagian daripada aturcara majlis tersebut. Program diakhiri dengan Majlis Makan Malam Sambutan Hari Malaysia yang diadakan di Pusat Pameran Dubai (DEC) dengan kehadiran pegawai kerajaan Emiriah Arab Bersatu, pegawai-pegawai Expo , kenamaan asing, wakil dari negara peserta dan duta-duta.

Menu cita rasa istimewa masakan Malaysia turut di bawakan khas menerusi Chef Eksekutif Malaysia Ahmad Kasdi Mohd Dahari dan Rene Johari untuk para tetamu.

Sambutan Hari Malaysia diteruskan pada hari berikutnya dengan persembahan *Malaysia Truly Asia* di Jubilee Park, Expo 2020 Dubai.

Malaysia merupakan antara 192 buah negara dan organisasi yang mengambil bahagian dalam Expo 2020 Dubai. Penyertaan Malaysia di ekspo ini diterajui oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan *Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation* (MGTC) selaku agensi pelaksana.

### TAMAT ###

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**  
**8 JANUARI 2022**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pegawai Komunikasi MOSTI Khairoul Hussein di +6012 848 4682 atau [khairoul@mosti.gov.my](mailto:khairoul@mosti.gov.my)

## **ABOUT MALAYSIA PAVILION AT EXPO 2020 Dubai**

Malaysia's self-built 1,234.05 sq meter pavilion is the first net zero carbon pavilion at the EXPO. The Pavilion features a rainforest canopy inspired by the majestic tropical rainforest of Malaysia, blending cultural elements with nature and functionality into a futuristic building.

The Pavilion carries the theme "Energising Sustainability" to represent the nation's commitment and approach to sustainable development. It is segmented into four sub-themes; "Energising Today", "Energising Tomorrow", "Energising Harmony" and "Energising Business". Malaysia's activities during the EXPO will include permanent 3D displays, daily cultural performances, craft demonstrations, café operations as well as 26 weekly thematic trade and business programmes.

The business weeks will involve a large contingent of 21 ministries, 69 agencies and five state governments initiating and supporting the programmes. They will also bring weekly business delegations from the industry that will participate in pocket talks, product launches, business matching sessions and signing of MoUs. Malaysia Pavilion will also host and participate in summits and forums throughout Expo.

The Ministry of Science, Technology and Innovation is the lead ministry for Malaysia's participation at the mega event. Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGTC) is the implementing agency.